

SEKSYEN 128 : **TIDAK MEMBERI KEADILAN SEWAJARNYA KEPADA ISTERI**

Mana-mana orang yang yang tidak memberi keadilan sewajarnya kepada isterinya mengikut Hukum Syarak melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

SEKSYEN 129 : **ISTERI TIDAK MENURUT PERINTAH**

Seorang perempuan yang dengan sengaja tidak menurut perintah yang diberi oleh suaminya yang sah mengikut Hukum Syarak maka dia melakukan kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ratus ringgit atau bagi kesalahan kedua atau kali kemudiannya denda tidak melebihi lima ratus ringgit

SEKSYEN 124 : **PENCERAIAN DI LUAR MAHKAMAH & TANPA KEBENARAN MAHKAMAH**

seseorang lelaki menceraikan isterinya dengan melaftazkan talaq dengan apa-apa bentuk di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah maka dia melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan enam bulan atau kedua-duanya.

SEKSYEN 133 : **PERCUBAAN DAN SUBAHAT**

Sesiapa sahaja yang cuba melakukan atau bersubahat melakukan suatu kesalahan di bawah akta ini adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sama seperti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu



HUBUNGI KAMI

MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

NO 71 JALAN SRI HARTAMAS 1,
TAMAN SRI HARTAMAS 50676
KUALA LUMPUR
TEL : 03-6025 7000
FAX : 03-6205 7100/7300

MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

BANGUNAN ANNEXE, ISTANA KEHAKIMAN, PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA
TEL : 03-8880 4500
FAX : 03-8880 4564

MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JALAN TUN MUSTAPHA
87000 LABUAN
TEL : 087-410 857
FAX : 087-410 855



@Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



@mswp_official



MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN

جَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِلرَّحْمَةِ وَالرَّحْمَنِ

**AKTA
303**



**AKTA UNDANG-
UNDANG
KELUARGA
ISLAM
WILAYAH-
WILAYAH
PERSEKUTUAN
1984**

www.mswp.gov.my

BAHAGIAN IV - PENALTI DAN PELBAGAI PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN AKAD NIKAH DAN PENDAFTARAN PERNIKAHAN

SEKSYEN 35 :

TIDAK HADIR DI HADAPAN PENDAFTARAN DALAM MASA YANG DITETAPKAN

Mana-mana orang yang dikehendaki oleh Seksyen 31 hadir di hadapan seorang Pendaftar tidak berbuat demikian dalam masa yang ditetapkan, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya

SEKSYEN 36 :

PELANGGARAN SEKSYEN 32

Mana-mana orang yang melanggar seksyen 32 melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang kemudiannya hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan enam bulan atau kedua-duanya.

(Seksyen 32 - Daftar yang tidak diakui di sisi undang-undang

SEKSYEN 37 :

GANGGUAN TERHADAP PERKAHWINAN

Melainkan jika dibenarkan oleh Hukum Syarak, seseorang yang menggunakan apa-apa kekerasan atau ugutan:

- (a) untuk memaksa seseorang berkahwin bertentangan dengan kemahuannya; atau
- (b) untuk menahan seseorang lelaki yang telah mencapai umur lapan belas tahun atau seseorang perempuan yang telah mencapai umur enam belas tahun daripada berkahwin dengan sahnya.

Melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

SEKSYEN 38 :

AKUAN ATAU PENYATAAN PALSU UNTUK MENDAPATKAN PERKAHWINAN

Mana-mana orang bagi maksud mendapatkan suatu perkahwinan dilakukan di bawah Akta ini, dengan sengaja membuat suatu akuan atau pernyataan yang palsu, maka orang itu melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya

SEKSYEN 39 :

AKAD NIKAH PERKAHWINAN YANG TIDAK DIBENARKAN

Mana-mana orang yang tidak diberi kuasa di bawah Akta ini mengakadnikahkan atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai mengakadnikahkan apa-apa perkahwinan, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

SEKSYEN 40 :

KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN AKAD NIKAH PERKAHWINAN

(1) Mana-mana orang yang diketahuinya mengakadnikahkan atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai mengakadnikahkan atau menjalankan upacara, sesuatu perkahwinan.

(a) Tanpa ada kebenaran berkahwin sebagaimana dikehendaki oleh seksyen 19; atau

(b) Selainnya di hadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang boleh dipercayai selain orang yang mengakadnikahkan perkahwinan itu.

adalah melakukan kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang berkahwin atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai akad nikah atau menjalani suatu akad nikah dengan sesiapa jua berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II melakukan kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IX - PENALTI

SEKSYEN 123 :

POLIGAMI TANPA KEBENARAN

Seorang lelaki, berkahwin lagi dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa mendapat kebenaran mahkamah secara bertulis dahulu dari mahkamah maka dia melakukan kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya

SEKSYEN 124 :

PENCERAIAN DI LUAR MAHKAMAH & TANPA KEBENARAN MAHKAMAH

seseorang lelaki menceraikan isterinya dengan melafazkan talaq dengan apa-apa bentuk di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah maka dia melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan enam bulan atau kedua-duanya.

SEKSYEN 126 :

MENINGGAL LANGSUNG ISTERI

Mana-mana orang yang telah diperintahkan oleh mahkamah suoaya hidup bersama semula dengan isterinya dan dia bersengaja tidak mematuhi perintah itu maka dia melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

SEKSYEN 127 :

MENGANIAYAI ISTERI

Mana-mana orang yang menganiaya isterinya atau menipu harta isterinya melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.